

Cuepacs bercadang jumpa Zainal, Mohamed Shafie hari ini

KUALA LUMPUR 25 Dis. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) bercadang menemui Senator Zainal Rampak dan Mohamed Shafie BP Mammal esok bagi menyelesaikan pertelagahan berhubung jawatan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Presiden Cuepacs, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, beliau akan menghubungi kedua-dua mereka pagi esok untuk mengaturkan pertemuan yang diharapkan boleh menamatkan krisis kepimpinan membabitkan kedua-dua mereka yang semakin tegang.

"Cuepacs hanya bertindak sebagai orang tengah dan pertemuan esok bukan bermaksud untuk campur tangan dalam masalah hal ehwal kepimpinan MTUC yang dilihat semakin meruncing," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) itu diminta mengulas ke-

nyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang terpaksa campur tangan mengarahkan dua pemimpin MTUC itu supaya segera menamatkan kemelut perebutan kuasa antara mereka berdua.

NUTP merupakan kesatuan gabungan MTUC.

Dua hari lalu, Siva Subramaniam mengesyorkan supaya pemilihan semula diadakan sebagai salah satu jalan penyelesaian kemelut tersebut.

Bagaimanapun ketika ditanya formula yang bakal dikemukakan pada pertemuan esok, beliau enggan mendedahkannya.

Sabtu lalu, Zainal menceguskan kontroversi apabila membuat kejutan akan terus menerajui MTUC sekali gus membatalkan memorandum persefahaman sebelumnya bagi membolehkan Mohamed Shafie menyandang jawatan itu akhir bulan ini.

Kelmarin, Mohamed Shafie memberitahu, beliau juga akan membuat pengumuman lebih engejut-

kan pada Ahad ini sebagai tindakan balas kepada keputusan drastik Zainal yang didakwa mengkhianati kompromi perjanjian antara mereka berdua.

Ketika diminta mengulas lanjut, Siva Subramaniam berkata, selaku gabungan kesatuan sekerja terbesar di negara ini, Cuepacs turut sependapat dengan Dr. Mahathir yang yakin Zainal dan Mohamed Shafie mampu menyelesaikan sendiri masalah tersebut.

"Justeru, pertemuan yang dirancang esok itu lebih bertujuan untuk mencari formula penyelesaian terbaik demi kepentingan semua dan pada masa yang sama berharap, kedua-dua pihak dapat berkompromi bagi mengelak masalah terus berlarutan," ujarnya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas kemungkinan pertemuan berkenaan turut disertai oleh barisan kepimpinan Cuepacs lain.

Siva Subramaniam juga tidak mahu menyatakan sama ada pertemuan itu akan diadakan secara ber-

semuka bersama kedua-dua pihak yang berbalah atau pun dibuat secara berasingan.

Namun, katanya, Cuepacs bimbang pergolakan dalaman MTUC itu boleh memberi imej negatif kepada pergerakan kesatuan di negara ini sehingga boleh dipersoalkan pula oleh hampir sejuta ahli gabungan kongres itu.

Sehubungan itu, beliau meminta MTUC agar lebih menumpukan perhatian kepada isu-isu kebajikan pekerja dan tidak membuang masa dengan isu perebutan jawatan sehingga boleh memecahbelahkan perpaduan ahli.

"Secara umumnya, semua pihak sama ada suka atau tidak mesti akur dengan setiap peraturan yang termaktub dalam kesatuan sekerja dan bukan bertindak sesuka hati.

"Tetapi jika masalah ini masih juga gagal ditangani esok, Majlis Am MTUC perlu segera bertindak sesuatu bagi menyelesaikan krisis kepimpinan ini," katanya.